

06/08/1997

Ulama anggap RTM melampau

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Selasa - Cadangan Kementerian Penerangan membenarkan tokoh pelbagai agama selain Islam muncul dalam program khas di radio dan televisyen menerusi RTM bagi membincangkan nilai murni dianggap sebagai melampaui batas kesederhanaan yang diamalkan kerajaan berhubung soal keagamaan.

Presiden Persatuan Ulama Malaysia, Ahmad Awang, berkata langkah menyiarkan rancangan kelolaan tokoh agama lain melalui saluran rasmi kerajaan boleh dianggap sebagai pendekatan ekstrim kerana menyamakan agama lain dengan Islam.

Katanya, kebebasan beragama yang diamalkan sekarang adalah cukup liberal dan menepati nilai kesederhanaan dan kerajaan tidak wajar memberi lebih daripada apa yang sepatutnya.

"Langkah itu lebih daripada sederhana, malah ia seolah-olah tindakan memberikan pengiktirafan `de facto' kepada agama lain," katanya kepada Berita Harian ketika dihubungi hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat, semalam bahawa tokoh agama Kristian, Buddha, Hindu dan Sikh akan dibenarkan muncul dalam program khas RTM bagi membicarakan nilai moral sebagai usaha menangani gejala sosial di kalangan remaja.

Mohamed berkata, tokoh terbabit boleh membicarakan nilai moral serta kegiatan positif dalam program itu sebagai panduan dan rujukan kepada rakyat tetapi tidak dibenarkan sama sekali mengembangkan agama mereka.

Katanya, usaha itu adalah selaras dengan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya kerajaan mengamalkan kesederhanaan ke arah memupuk kerjasama di antara rakyat pelbagai kaum di negara ini.

Ahmad berkata, adalah mustahil untuk mengasingkan perbincangan nilai murni dengan penyebaran agama dalam program khas itu, apa lagi jika perayaan yang jelas berhubung upacara keagamaan diberikan liputan untuk tontonan semua rakyat.

Katanya, program itu juga boleh menjejaskan keimanan orang Islam di negara ini yang sudah cukup terdedah kepada cara hidup agama lain melalui pelbagai media ketika cara hidup yang dituntut agama Islam tidak diamalkan.

Sementara itu, Pengerusi Majlis Muafakat Pembangunan (MMP), Mohd Azmi Abdul Hamid, dalam kenyataan akhbarnya berkata, larangan mengembangkan ajaran agama lain menerusi RTM mesti dilaksanakan secara tegas tanpa tolak ansur.

Katanya, adalah sukar untuk memisahkan pembicaraan mengenai nilai murni oleh tokoh pelbagai agama dalam rancangan khas itu dengan penyampaian mesej agama mereka.

"Apabila mereka memperkatakan sesuatu perkara atas nama agama yang dianuti ia sekali gus adalah pernyataan mesej agama masing-masing," katanya.

Mohd Azmi berkata, jika Kementerian Penerangan benar-benar mahu menangani gejala sosial, langkah paling asas yang boleh diambil ialah memurnikan semua program yang disiarkan.

Katanya, langkah sedemikian adalah lebih berkesan daripada hanya membincangkan nilai murni melalui program khas.

"Sudah terlalu banyak perbincangan dan perbahasan berhubung nilai murni dilakukan tetapi terlalu sedikit dihayati. Sehubungan itu, mengadakan satu lagi siri perbincangan nilai murni tidak akan menambah kebaikan," katanya.

(END)